

23 OCT 1998

BELANJAWAN-BSKL/I

UNDANG-UNDANG DIKUATKUASA UNTUK MEMBERSIHKAN BSKL

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan terhadap perdagangan saham adalah untuk menjadikan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) lebih teratur, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini akan menjadikan pasaran saham BSKL lebih kukuh walaupun indeks saham tidak akan meningkat terlalu tinggi seperti dahulu di waktu mana harga saham tidak ada kaitan dengan nilai aset atau prestasi syarikat," jelas beliau semasa membentangkan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat di sini.

Dr Mahathir berkata pasaran saham Malaysia akan terus terbuka kepada pelabur-pelabur asing dengan syarat dagangan saham hendaklah lebih terbuka kepada awam dan kerajaan.

"Apa sebabnya pembelian atau penjualan saham harus dirahsiakan?," tambahnya.

Perdana Menteri juga berkata ketidaktelusan dagangan saham telah mengakibatkan banyak peraturan dilanggar, terutamanya oleh pedagang asing dalam BSKL.

Beliau berkata sepatutnya apabila mana-mana pihak memiliki lebih lima peratus saham mana-mana syarikat, ia harus melaporkan kepada BSKL di bawah peraturan berkenaan penzahiran, tetapi kerana dagangan disembungi, penzahiran tidak dibuat.

"Demikian juga apabila pemilikan sudah mencapai 33 peratus, mereka tidak membuat tawaran awam untuk memiliki baki saham. Mereka juga tidak menghormati prinsip Dasar Ekonomi Baru," katanya dan menambah bahawa banyak amalan yang curang berlaku kerana peraturan BSKL tidak dikuatkuasakan atau tidak dapat dikuatkuasakan.

-- BERNAMA

MFJ JR MA